

Headline **Beramal sambil berhibur**
Date **23 Feb 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Hip**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **22**
Article Size **397 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **8,421**
PRValue **25,264**



Beramal sambil berhibur

KESAMAAN hak, peluang bersama, kemajuan untuk semua menjadi tema meraihan sambutan Hari Wanita Sedunia pada 8 Mac depan.

Majlis Aids Malaysia melalui Yayasan Aids Malaysia (MAF) tertarik merencana majlis makan malam amal pada hari berkenaan bersama artis terkenal, Dayang Nur Faizah bagi mengumpul dana membantu wanita yang dijangkiti Aids dan HIV yang bakal diadakan di di dewan utama One Bangsar, Restoran Seafood pada 28 Mac depan.

Ahli Lembaga Pemegang Amanah MAF, Datin Mina Cheah Foong, berkata pihaknya menyasarkan kutipan dana sebanyak RM250,000 dan bakal disalurkan secara langsung kepada badan berkaitan.

"Kami menganggarkan kutipan menjangkau RM250,000, dan akan diberikan kepada rumah perlindungan, ibu tunggal dan mereka yang hidup dengan HIV serta yang memerlukan terutama di kawasan pedalaman," katanya.



NOR ADIBAH AHMAD IZAMI / BERITA HARIAN

Turut hadir pada majlis itu wakil MAF, Bakhtiar Talha dan Norlela Mokhtar serta Dayang Nur Faizah.

Sementara itu, Dayang berkata, beliau menerima tawaran MAF sebagai sokongan kepada kempen reben merah dengan hati terbuka.

"Dayang menganggap penyertaan ini sebagai peluang berbakti kepada masyarakat. Dengan jadual yang padat, hanya ini yang mampu saya lakukan," katanya.

Jualan meja majlis amal berkenaan dibuka pada harga ialah RM5,000 dan RM10,000

dengan senarai 10 jemputan semeja.

Bagaimanapun, anda juga boleh menempah meja secara berasingan daripada teman dan boleh membuat permintaan untuk duduk semeja.

Beruntung bagi peminat setia Dayang, anda boleh

INFO

Majlis Makan Malam Amal Dayang Nurfaizah (Hari Wanita Sedunia)

- Kerjasama: Yayasan Aids Malaysia
- Harga: Meja dijual pada harga RM5,000 dan RM10,000
- Harga Istimewa Peminat: RM200
- Hubungi: Azrina Shireen di talian 03-40451033 atau layari web www.mac.org.my.

MINA (dua dari kanan) bersama Bakhtiar dan Norlela serta Dayang pada majlis sidang akhbar Makan Malam Amal bersama Dayang Nurfaizah untuk Hari Wanita Sedunia.



“Kami anggarkan kutipan menjangkau RM250,000, dan akan diberikan kepada rumah perlindungan, ibu tunggal dan mereka yang hidup dengan HIV serta yang memerlukan terutama di kawasan pedalaman”

Mina Cheah Foong

Ahli Lembaga Pemegang Amanah MAF